

# Hari Raya Alumni UMS Chapter Putrajaya Eratkan Silaturahim

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 05 Julai 2019 16:00 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 218

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



**JUMAAT, 5 JULAI** - Kira-kira 60 alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjayakan Majlis Sambutan Hari Raya Alumni UMS Chapter Putrajaya baru-baru ini.

Pengarah Pusat Kerjaya dan Alumni UMS, Prof. Madya Dr. Lai Yew Meng berkata, pengajurannya antara lain bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan alumni UMS.

“Saya ingin menzahirkan rasa syukur dan gembira kerana dapat berkumpul bersama dan meraikan kemeriah-

sambutan hari raya dengan para alumni UMS di sini.

“Adalah menjadi harapan saya agar majlis seumpama ini akan memberi peluang kepada kita sekalian untuk saling mengeratkan silaturahim dan secara tidak langsung, ia dapat mewujudkan semangat kekeluargaan sesama kita,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika memberi ucapan alu-aluan pada majlis tersebut.

Ujar Dr. Lai, selain membentuk kemesraan dan ikatan persaudaraan sesama alumni, majlis itu juga sebagai medan perkongsian pengalaman antara satu sama lain terutamanya dalam bidang pekerjaan dan perniagaan.

Hadir sama pada majlis itu, Timbalan Pengarah Pusat Kerjaya dan Alumni UMS, Mohd Raffie Hj. Janau dan Ketua Chapter Alumni UMS Zon Putrajaya, Mohammad Farizal Mohammad Syawal.